

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
(KUALA KANGSAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2016**

**Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [ KUALA KANGSAR ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramaikah  
pencarum KWSP yang telah bertukar kepada caruman syariah dan  
daripada itu berapa ramaikah bukan islam yang menukar ke caruman  
tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pendaftaran Simpanan  
Shariah dibuka pada 8 Ogos 2016, sebanyak 45.15% atau RM45.95  
bilion daripada alokasi permulaan dana RM100 bilion telah digunakan.

Sehingga 30 September 2016, sebanyak 435,384 pencarum telah mendaftar Simpanan Shariah dan jumlah ini merangkumi kedua-dua pencarum Islam dan bukan Islam (tidak dibezakan).

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [ AMPANG ] -  
PKR**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**SOALAN : 18**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan rancangan bagi pelajar-pelajar MRSM untuk menduduki peperiksaan IGCSE dengan lebih terperinci.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, program IGCSE merupakan program dwi sijil yang dilaksanakan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) bermula dari tahun 2011 sebagai nilai tambah kepada sistem pendidikan MRSM sedia ada dan merupakan usaha untuk meningkatkan keupayaan pelajar menguasai bahasa Inggeris pada tahap yang lebih tinggi. Program ini juga memberi pendedahan kepada lebih ramai pelajar luar bandar untuk mengikuti pendidikan bertaraf antarabangsa. Bagi tahun 2016, seramai 1,980 orang pelajar daripada 13 buah MRSM akan menduduki peperiksaan IGCSE. Pelajar yang terlibat hanya mengambil 6 subjek dalam peperiksaan IGCSE iaitu :

1. English as a Second Language (0510)
2. Mathematics (0580)
3. Additional Mathematics (0606)
4. Physics (0625)
5. Chemistry (0620)
6. Biology (0610)

Melalui program ini, pelajar yang terlibat mendapat pendedahan awal dengan mempelajari beberapa subjek/mata pelajaran semasa di tingkatan 3 dan 4 setelah dibuat *compacting* antara subjek/mata pelajaran yang bertindih bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan IGCSE. Untuk makluman, pelajar-pelajar akan menduduki peperiksaan IGCSE pada tingkatan 4 manakala peperiksaan SPM pada tingkatan 5.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak MARA sebagai persediaan kepada pelajar untuk menduduki IGCSE adalah seperti berikut:

- i. Penekanan kepada pengajaran yang menggunakan pendekatan konstruktisme dan inkuiiri penemuan.
- ii. Guru-guru melaksanakan intervensi awal bagi pelajar yang belum dapat menguasai topik yang telah diajar.
- iii. Pelajar juga akan menduduki peperiksaan *checkpoint* semasa di tingkatan 2 bagi mengesan tahap penguasaan pelajar.
- iv. Peperiksaan percubaan IGCSE juga dilaksanakan sebelum peperiksaan sebenar bermula.

v. MARA juga turut bekerjasama dengan pihak Cambridge International Examination untuk melatih guru-guru MRSM bagi meningkatkan kompetensi semasa pada setiap tahun.